



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Bilangan 14/2022**

---

**TUGAS PENTADBIR TANAH DALAM PENILAIAN HARGA TANAH**

---

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
Putrajaya  
2022**

**© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2022**

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

**Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 14/2022
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya.
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	<a href="mailto:bdk@jkptg.gov.my">bdk@jkptg.gov.my</a>
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

**Kawalan Versi Dokumen**

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 14/2022**

**TUGAS PENTADBIR TANAH DALAM PENILAIAN HARGA TANAH**

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati Pentadbir Tanah berhubung perkara-perkara yang melibatkan tugas penilaian harga tanah.

**PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

2. Selaras dengan peruntukan-peruntukan subseksyen 4(5) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] dan subseksyen 12(1) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486], Pentadbir Tanah boleh menilai mana-mana tanah milik bagi tujuan perundangan tersebut.

3. Bagi memastikan wujudnya elemen akauntabiliti dan tadbir urus dalam melaksanakan tanggungjawab di bawah peruntukan-peruntukan perundangan tersebut, pihak Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan supaya mendapatkan Pegawai Penilai daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta yang mempunyai kepakaran dan kaedah penilaian yang diiktiraf untuk melaksanakan tanggungjawab penilaian sesebuah tanah milik tersebut bagi mengelak wujudnya konflik dalam keputusan dan tindakan Pentadbir Tanah.

4. Pentadbir Tanah juga adalah dinasihatkan untuk menolak permintaan daripada orang awam untuk membuat penilaian harta tanah mereka bagi tujuan-tujuan lain yang mungkin melibatkan hakmilik tanah tersebut kerana perkara mengenai penilaian adalah di luar bidang tugas dan kepakaran Pentadbir Tanah.

**PEMBATALAN**

5. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 25 Tahun 1976 (Disemak 2007) bertajuk Tugas Pentadbir Tanah Dalam Penilaian Harga Tanah-tanah Milik adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA**

6. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



**(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)**

**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

No. Fail : JKPTG.BDK.100-1/3/1

Tarikh : 31.5.2022